

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

**SBU202 - Sejarah Sosial Malaysia**

Masa: (3 jam)

---

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Soalan **SATU** Bahagian A **WAJIB** dijawab.  
Pilih **SATU** soalan sahaja dari setiap Bahagian B dan Bahagian C.

**Bahagian A (40 markah)**

Semua pelajar **MESTI** jawab soalan ini.

1. Pilih satu daerah di dunia Melayu yang mempunyai kesinambungan pemerintahan terutama pada abad 16, 17 dan 18 dan jawab soalan-soalan berikut berpandukan sejarah dan latarbelakang kemasyarakatan.
  - (a) Bilakah dan bagaimanakah kapitalisme bermula?
  - (b) Apakah sistem-politik yang diamalkan? Sejauhmanakah ia berbeza dengan sistem 'kerajaan' sebelumnya? Jangan lupa mengambil kira debat yang ada mengenai persoalan ini.
  - (c) Jelaskan kesan-kesan imperialisme terhadap perkembangan serantau.
  - (d) Sejauhmanakah pandangan Wallerstein terhadap 'buruh' relevan kepada daerah yang anda kaji?
  - (e) Sejauhmanakah pendapat anda ini berbeda atau sama dengan pendapat P.L. Burn, Jomo, Robert Bach, dan Shahruddin Maarof? Apakah pandangan yang diambil oleh kursus?

(40 markah)

... 2/-

Bahagian B (30 markah)

Pilih SATU soalan sahaja.

2. Huraikan perkembangan kelas di Semenanjung sejak kolonialisme British. Nyatakan golongan yang memainkan peranan penting dalam gerakan anti-kolonialisme.

(30 markah)

3. Jelaskan penubuhan negara kolonialisme dan apakah kesan-kesannya terhadap masyarakat tempatan. Di manakah letaknya 'kesultanan Melayu' dengan wujudnya negara kolonial?

(30 markah)

4. Apakah kesan kolonialisme terhadap perkembangan kapitalisme di Semenanjung? Jelaskan penyimpangan yang telah anda lakukan dalam analisis berbanding dengan beberapa pandangan umum.

(30 markah)

Bahagian C (30 markah)

Pilih SATU soalan sahaja.

5. Huraikan pandangan tiga tokoh terkemuka mengenai 'sejarah total'. Nilaikan sejauhmana ia telah berjaya membawa interpretasi baru terhadap kefahaman kita mengenai sejarah Semenanjung sejak abad keenam-belas.

(30 markah)

6. Ada TIGA proses utama dalam pembentukan sistem dunia moden iaitu:

- (a) penproletaran
- (b) penkomoditian
- (c) penubuhan sistem antara-negara

Pilih SATU dari proses ini dan huraikan mengikut pandangan tiga tokoh utama. Apakah kesannya terhadap kefahaman kita mengenai dunia Melayu di abad 16, 17 dan 18?

(30 markah)